

Ruj Kami: (40) MBPJ/090100/T/A6/ Jld.10
Tarikh: 20 Februari 2012

KENYATAAN MEDIA

LELONGAN BARANG RAMPASAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah mengadakan lelongan barang sitaan harta alih penunggak cukai pada 15 Februari 2012 yang lalu bertempat di Lobi Kaunter Utama, Ibu Pejabat MBPJ dengan kesemua 13 barang elektrik telah habis dilelong.

Antara barang yang dilelong termasuklah unit kipas (1), sistem teater rumah (1), radio (1) DVD (7) unit speaker (1) dan TV 21 inci dan 29 inci (2) dengan jumlah keseluruhan lelongan bernilai RM 1305.00 daripada jumlah keseluruhan tunggakan cukai taksiran dalam lelongan ini pula ialah RM18,832.80. Barang-barang yang dirampas ini adalah melibatkan kes tunggakan cukai taksiran sejak penggal kedua 2011 yang melibatkan 7015 kes.

Tindakan sitaan ini dibuat ekoran daripada kegagalan pemilik harta menjelaskan tunggakan cukai taksiran di bawah Akta 171 perkara 48, Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Lelongan awam ini akan dijalankan dua kali setahun dan sebelum premis disita, pihak Majlis akan memaklumkan kepada pemilik mengenai jumlah tunggakannya mereka.

Selepas tiada pembayaran di jelaskan, barulah pihak penguatkuasa MBPJ pergi ke premis atau kediaman terbabit untuk menjalankan tindakan sitaan dan rampasan harta alih.

Oleh itu, diminta perhatian kepada semua pemilik harta di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya untuk memastikan bahawa bil cukai taksiran mereka di jelaskan pada atau sebelum 29 Februari 2012 (hari Rabu) untuk mengelakkan sebarang **BAYARAN TAMBAHAN** dikenakan.

Di sediakan oleh:

Sekretariat Media

Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Laman web : www.mbpj.gov.my , facebook: Petaling Jaya City Council, twitter : pjcitycouncil,
emel : media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :

Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my